


## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 MAC 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4

### Isu miskin tegar ditangani tahun ini



KERAJAAN sentiasa membantu golongan miskin tegar untuk keluar daripada kesusahan kepada kehidupan yang lebih baik menerusi pelbagai program bantuan. – GAMBAR HIASAN

130,000 dibantu melalui program tingkat pendapatan

# Isu miskin tegar ditangani tahun ini

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

KUALA LUMPUR — Perdana Menteri yakin 130,000 ketua isi rumah miskin tegar seluruh negara mampu ditangani tahun ini.

Menurut Datuk Seri Anwar Ibrahim, berdasarkan data sejak 15 Mac lalu, sejumlah 123,243 ketua isi rumah miskin tegar berdaftar di eKasih.

"Saya ingin meletakkan angka 130,000 ketua isi rumah miskin tegar kerana berkemungkinan angka ini bertambah. Saya bimbang ada jumlah baharu tidak termasuk sepanjang tahun ini," katanya pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Jalaluddin Alias (BN-Jelebu)

**DEWAN  
RAKYAT**

berhubung pendekatan terbaru Kerajaan Perpaduan untuk menokthahkan kemiskinan secara holistik dan berkesan.

Anwar berkata, pemutihan dan pengemaskinian data eKasih sentiasa dilaksanakan berterusan bagi memastikan hanya yang benar layak dan tiada lagi yang tercincir menerima bantuan.

"Usaha kerajaan untuk menokthahkan kemiskinan adalah melalui program-program yang diselaras dan dilaksanakan melalui dua pendekatan.

"Ini termasuk bagi meningkatkan pendapatan rakyat yang miskin melalui Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) serta meminimumkan beban kos sara hidup menerusi Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

"Selain itu, bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada 400,000 golongan yang mudah terjejas serta subsidi, bantuan dan insentif sebanyak RM64 bilion serta pelaksanaan konsep Payung Rahmah turut diberikan kepada mereka yang layak," katanya.